



UNTUK SIARAN SEGERA

HEBAHAN MEDIA

KELESTARIAN SUMBER PERIKANAN DARAT NEGERI PERAK 2022

1. Perikanan Negeri Perak telah melaksanakan Program Pelepasan Benih Ikan Di Perairan Umum pada hari ini bagi tujuan memperkayakan sumber ikan air tawar asli di negeri tersebut. Negeri Perak kaya dengan pelbagai spesies **ikan air tawar asli seperti Kelah, Temoleh, Kelisa, Baung, Patin, Sebarau, Terbul, Puyu, Haruan, Bujuk, Tengalan, Betta (ikan hiasan)** dan sebagainya. Namun, beberapa faktor dan keadaan telah menyebabkan populasi ikan-ikan tersebut diancam kepupusan yang agak membimbangkan.
2. Yang Berhormat Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah, Timbalan Menteri I bersama Puan Noraishah Binti Hashim, Pengarah Perikanan Negeri Perak telah hadir dalam program hari ini bagi melepaskan benih ikan ke perairan umum sungai di Kampung Dusun Muda, Tapah, Perak. DOF amat berharap agar usaha pada hari ini dapat memperkayakan semula ikan asli di perairan umum Negeri Perak bagi manfaat kepada **lebih 3,000 orang nelayan darat di Negeri Perak**.
3. Program ini merupakan kerjasama antara Perikanan Negeri Perak yang dibantu oleh pusat pembenihan dan penyelidikan DOF yang mempunyai kemampuan dan kepakaran dalam menyediakan benih-benih ikan seperti Lampam Sungai, Baung dan benih ikan yang jarang ditemui seperti Kelah dan Temoleh. Kajian Inventori Sumber Perikanan di Perairan Sungai Negeri Perak telah dijalankan sebelum pelepasan benih dibuat bagi tujuan mengenalpasti spesies dan taburan ikan dikawasan kajian. Ia juga bertujuan mendapatkan maklumat kepelbagaian biodiversiti dan ekosistem kawasan kajian dan bagi membuat perancangan program pemuliharaan sumber dikawasan kajian. Dengan maklumat yang diperolehi juga, Jabatan dapat merancang dan melaksana aktiviti pelepasan ikan ke perairan umum dengan lebih teratur mengikut keperluan
4. Mengikut statistik pendaratan Perikanan Darat Negeri Perak **tahun 2020, lebih kurang 3 ribu tan ikan sungai didaratkan dengan nilai sebanyak 45 juta ringgit**. Setiap tahun lebih kurang **2 juta ekor benih ikan terdiri daripada pelbagai spesies dengan nilai hampir RM500,000 dilepaskan di Negeri Perak**. Sebahagian dari benih ikan adalah keluaran dari Jabatan Perikanan Malaysia dan melalui peruntukan kewangan dari Kerajaan Negeri Perak dan Kerajaan Persekutuan.

5. Berdasarkan kajian dan tinjauan mendapati **populasi ikan asli di Negeri Perak semakin menurun disebabkan oleh kehadiran ikan asing** iaitu ikan bandaraya (*Hypostomus plecostomus*), tilapia (*Cichla spp*), patin siam (*Pangasianodon hypophthalmus*), peacock bass (*Cichla spp*), dan udang kara air tawar (*Cherax spp* dan *Procambrus spp*) di perairan umum Negeri Perak.
6. **Peacock bass** merupakan ikan asing yang cepat menyesuaikan diri dengan persekitaran dan dapat membiak dengan pantas, sekaligus menjadi dominan di habitat tersebut. Kebelakangan ini pula muncul monster spesies, Invasive Alien Species (IAS) iaitu **ikan baung ekor merah Asia** (*Phractocephalus hemiliopterus*) dan **patin high fin** (*Neoarius berneyi*) yang bersifat pemangsa dan memakan ikan tempatan.
7. Akibatnya, kebanyakan ikan asli yang mempunyai nilai komersial di kawasan tersebut semakin berkurangan. Ikan asli ini sentiasa mendapat permintaan yang tinggi dari dalam negeri maupun di luar negeri termasuk ikan untuk dimakan (table fish) ikan Kelah dan Temoleh. Spesies ikan asli lain yang turut diancam kepupusan adalah Lampam Sungai, Patin Buah, Baung, Pucuk Pisang, Loma, Terbul, Tengalan, Bujuk dan sebagainya.
8. Faktor lain yang menyumbang kepada penyusutan populasi ikan asli adalah **kualiti air** yang tidak mencapai tahap yang sepatutnya. Dalam erti kata lain, pencemaran air di habitat ikan tersebut menyebabkan ikan-ikan tidak dapat membiak dengan baik. Malahan sikap segelintir manusia yang mementingkan keuntungan wang ringgit berbanding menyemai semangat cintakan sungai dan alam secara tidak langsung merosakan ekosistem di kawasan tersebut.
9. Bagi menangani punca-punca ini, DOF sentiasa mengambil langkah agresif dengan merancang dan melaksana semula beberapa program dan dasar Jabatan supaya ia menjurus kepada memperkayakan sumber dan memulihkan kembali habitat perikanan darat seperti **i) Mengadakan majlis interaksi bersama nelayan-nelayan sungai; ii) Melaksanakan program pelepasan benih ikan asli ke perairan umum bersama masyarakat nelayan dan pemimpin tempatan; iii) Menasihati pengusaha akuakultur supaya mengamalkan sistem akuakultur baik (*good aquaculture practices – GAP*) yang menekankan terhadap tanggungjawab ke atas kawalan ikan yang ditenak agar tidak terlepas ke perairan umum; iv) Mengukuhkan langkah-langkah kawalan dan perundangan melalui usaha antara DOF Perak bersama Kerajaan Negeri Perak dalam meminda Kaedah-Kaedah Perikanan (Sungai) Perak 1992 dengan menambah peruntukan larangan melepaskan spesies ikan asing ke perairan umum; v) Mengadakan program kesedaran awam dan vi) Memperbanyakkan pemasangan papan tanda yang menyenaraikan spesies ikan asing bagi rujukan awam di sekitar sungai/tasik.**

10. Jabatan Perikanan Malaysia dan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) berusaha keras dalam melaksanakan penguatkuasaan undang-undang bagi melindungi sumber perikanan agar ia tidak dieksplotasi secara berlebihan. Usaha ini semestinya bagi melindungi kepentingan ekonomi nelayan tempatan dan menjaga kelestarian sumber perikanan negara. Ini adalah selaras dengan Jaminan Makanan Negara dalam memastikan sumber bekalan makanan berasaskan protein adalah mencukupi.
11. **Penguatkuasaan dari masa ke semasa** juga penting untuk memastikan kawasan larangan dan kawasan pembiakan ikan asli di perairan sungai Negeri Perak dilindungi agar spesies asli sedia ada tidak pupus bagi keperluan generasi akan datang seperti **Kelah yang dikawal melalui Kaedah-Kaedah Perikanan (Sungai Perak 1992. Ikan Temoleh dan Ikan Kelisa pula dikawal melalui perdagangannya dibawah undang-undang CITES.**

###

Kenyataan media ini disiarkan oleh :

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

24 Januari 2022 (Isnin) jam 10 pagi

Sebarang pertanyaan sila hubungi :-

No. Tel: 017-794 7799 (Mohd Nizam : Ketua Unit)

012-664 9570 (Nur Aqilah)

Email : ukk@dof.gov.my ; pro@dof.gov.my